

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 9 Oktober 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

OGOS 2025

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 12.8 peratus pada Ogos 2025

PUTRAJAYA, 9 Oktober 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Ogos 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 12.8 peratus pada Ogos 2025 (31,285 tan metrik) berbanding pada Julai 2025 (35,884 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 12.9 peratus (Ogos 2024: 35,908 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Ogos 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (86.5%) berbanding sektor estet (13.5%).

Jumlah stok getah asli pada Ogos 2025 menurun 7.3 peratus kepada 158,591 tan metrik berbanding 171,153 tan metrik pada Julai 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 82.8 peratus diikuti kilang pengguna getah (17.0%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 39,419 tan metrik pada Ogos 2025, meningkat 6.0 peratus berbanding Julai 2025 (37,198 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 39.1 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Ogos 2025 diikuti Jerman (16.1%),

Emiriah Arab Bersatu (9.2%), Amerika Syarikat (5.7%) dan Portugal (3.9%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.2 billion pada Ogos 2025, menurun 7.7 peratus berbanding Julai 2025 (RM1.3 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 0.3 peratus (Ogos 2025: 569.48 sen sekilogram; Julai 2025: 571.30 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 1.3 peratus (Ogos 2025: 594.18 sen sekilogram; Julai 2025: 586.68 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) adalah bercampur-campur iaitu meningkat 1.1 peratus dan menurun 0.3 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 1.6 peratus daripada USD1.68/kg kepada USD1.71/kg dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 3.8 peratus daripada USD2.23/kg kepada USD2.15/kg.

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Ogos 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur ditutup Ogos 2025 dengan prestasi bercampur-campur. Harga disokong oleh kebimbangan mengenai pengurangan bekalan bahan mentah di negara pengeluar utama dalam keadaan cuaca basah yang berterusan, serta keyakinan baharu daripada gencatan tarif Amerika Syarikat-China, kenaikan harga minyak mentah dan langkah-langkah rangsangan ekonomi China yang terkini.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Ogos 2024, Julai - Ogos 2025
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Ogos 2024, Julai - Ogos 2025
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
9 OKTOBER 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, October 9th 2025

MEDIA STATEMENT



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA AUGUST 2025

Malaysia's natural rubber production decreased by 12.8 per cent in August 2025

PUTRAJAYA, October 9, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, August 2025**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 12.8 per cent in August 2025 (31,285 tonnes) as compared to July 2025 (35,884 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 12.9 per cent (August 2024: 35,908 tonnes). Production of NR in August 2025 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (86.5%) as compared to estates sector (13.5%).

Total stocks of NR in August 2025 decreased by 7.3 per cent to 158,591 tonnes as compared to 171,153 tonnes in July 2025. Rubber processors factory contributed 82.8 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (17.0%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 39,419 tonnes in August 2025, increased 6.0 per cent as against July 2025 (37,198 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 39.1 per cent of total exports in August 2025 followed by Germany (16.1%), the United Arab Emirates (9.2%), the United States of America (5.7%) and Portugal (3.9%). The exports performance was contributed by

NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.2 billion in August 2025, a decrease of 7.7 per cent as compared to July 2025 (RM1.3 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 0.3 per cent (August 2025: 569.48 sen per kg; July 2025: 571.30 sen per kg) while Scrap increased by 1.3 per cent (August 2025: 594.18 sen per kg; July 2025: 586.68 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) was mixed increased 1.1 per cent and decreased 0.3 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 1.6 per cent (from USD1.68/kg to USD1.71/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 3.8 per cent (from USD2.23/kg to USD2.15/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in August 2025, the Kuala Lumpur Rubber Market closed August 2025 with a mixed performance. Prices were supported by concerns over reduced raw material supplies in major producing countries amid persistent wet weather, as well as renewed optimism from the U.S.-China tariff truce, rising crude oil prices, and recent Chinese economic stimulus measures.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber August 2024, July - August 2025
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber August 2024, July - August 2025
(‘000 tonnes)



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 OCTOBER 2025